

09 JUL 2002

PERTANDINGAN CIPTA KAD ULANG TAHUN KE-21 UNTUK PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Kanak-kanak berusia antara lima dan 12 tahun dipelawa mencipta kad inovatif dan berwarna-warni bagi meraikan ulang tahun ke-21 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Menurut satu kenyataan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) hari ini, 21 pemenang kad paling kreatif dan asli, berpeluang menyampaikan sendiri hasil kreativiti mereka kepada Dr Mahathir pada satu majlis "One Nation We Care - An Evening with the Prime Minister Event".

Acara itu akan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 27 Julai.

Hanya satu kriteria ditetapkan untuk pertandingan ini iaitu saiz kad ditetapkan berukuran 12" x 8".

Nama dan umur peserta serta nama ibu bapa serta maklumat peribadi lain termasuk nombor telefon untuk dihubungi jika mereka dipilih sebagai pemenang, mesti ditulis di belakang kad berkenaan.

Semua penyertaan hendaklah dialamatkan kepada Persatuan Insurans Hayat Malaysia, 4 Lorong Medan Tuanku Satu, Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Julai.

-- BERNAMA

MUN AZZ LAT